



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1991

TAWARAN OPSYEN SKIM PENCEN ATAU KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (KWSP)

1. **TUJUAN**

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai tawaran opsyen kepada pegawai-pegawai yang baru dilantik ke perkhidmatan sektor awam, sama ada memilih skim pencen atau skim KWSP dan juga untuk menetapkan garis panduan kepada Pihak Berkuasa Melantik dan Ketua-ketua Jabatan bagi melaksanakan keputusan ini.

2. **KEPUTUSAN**

2.1 Kerajaan telah memutuskan supaya **"seseorang pegawai yang baru dilantik ke perkhidmatan sektor awam hendaklah, sebelum disahkan dalam jawatannya, diberi opsyen sama ada memilih skim pencen atau skim KWSP. Opsyen tersebut hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan."**

3. PEGAWAI YANG LAYAK DIBERI OPSYEN

3.1 Pegawai yang layak diberi opsyen ialah **pegawai yang pertama kalinya dilantik ke perkhidmatan sektor awam pada atau selepas 12 April 1991.**

4. PERLAKSANAAN

4.1 Iklan Kekosongan Jawatan dan Surat Tawaran Jawatan

4.1.1 Pihak Berkuasa Melantik diminta supaya meminda sebutan taraf jawatan dalam iklan kekosongan jawatan dan surat tawaran jawatan daripada "**tetap dan berpencen**" kepada "**tetap**" sahaja.

4.2 Tawaran Opsyen

4.2.1 Sebelum seseorang pegawai diperakukan untuk pengesahan dalam jawatan, Ketua Jabatan hendaklah memberitahu pegawai berkenaan supaya membuat pilihan sama ada memilih skim pencen atau skim KWSP serta mengedarkan kepadanya borang opsyen mengikut format seperti pada [Lampiran "A"](#) Surat Pekeliling ini.

4.2.2 Borang opsyen yang telah diisi oleh pegawai yang berkenaan hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Pihak Berkuasa Melantik bersama-sama dengan perakuan pengesahan dalam jawatan.

4.2.3 Surat pengesahan dalam jawatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menyatakan opsyen yang telah dibuat oleh pegawai berkenaan.

4.2.4 Selepas seseorang pegawai disahkan dalam jawatan, Ketua Jabatan hendaklah mencatatkan dalam buku Kenyataan Perkhidmatan mengenai opsyen yang telah dibuat oleh pegawai berkenaan.

4.2.5 Opsyen tersebut adalah muktamad.

5. **TARIKH KUATKUASA**

5.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai 12 April 1991.

6. **PEMAKAIAN**

6.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah meliputi Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan.



(MOHD. SHAHARI BIN AHMAD JABAR)

*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam 1,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 29 Julai 1991

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

Rujukan Jabatan:

BORANG OPSYEN UNTUK MEMILIH SAMA ADA SKIM PENCEN ATAU KUMPULAN-
WANG SIMPANAN PEKERJA SELARAS DENGAN PERUNTUKAN 6A (1)
PINDAAN AKTA PENCEN 1980

Saya (Nama)

No. Kad Pengenalan yang dilantik ke perkhidmatan

pada dengan ini memilih *Skim Pencen/Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,

.....

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan Sekarang :

Tarikh :

.....

Disaksikan oleh :

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

*Potong yang tidak berkenaan.